



**UCAPAN PERASMIAN  
MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN  
KALI KE 15 (2009/2011) KESATUAN PEKERJA-PEKERJA RISDA  
SEMENANJUNG MALAYSIA (KPPR) CAWANGAN WILAYAH  
PERSEKUTUAN**

**OLEH  
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI WAN MOHAMAD ZUKI  
BIN MOHAMAD,  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN DAN  
KORPORAT) RISDA**

TEMPAT: AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH, IBU PEJABAT RISDA, KUALA LUMPUR  
TARIKH : 12 JUN 2009 (JUMAAT)  
MASA : 11.00 PAGI

**Bismillahirrahmanirrahim.**

Saudara Pengerusi Majlis,

Yang Berusaha Tuan Haji Shamsudin Mohd. Noor, Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja RISDA (KPPR) Semenanjung Malaysia,

Yang Berusaha Encik Sauffi Baharuddin, Pengerusi KPPR Cawangan Wilayah Persekutuan merangkap Penolong Setiausaha Agung KPPR Semenanjung Malaysia,

Barisan Ahli Jawatankuasa KPPR Cawangan Wilayah Persekutuan,

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya dapat kita berkumpul pada pagi Jumaat yang penuh berakah ini sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Kali Ke 15 (2009/2011) Kesatuan

3

Pekerja-Pekerja RISDA Semenanjung Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan.

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan salam takzim daripada Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Namun demikian, beliau mengharapkan dan berdoa agar majlis yang diatur ini akan dapat berlangsung dalam suasana seperti mana yang diharapkan. Insya-Allah.

4

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Saudara Pengerusi KPPR Cawangan Wilayah Persekutuan serta Ahli Jawatankuasanya yang telah sudi menjemput saya mewakili Ketua Pengarah dan seterusnya merasmikan mesyuarat dwi tahunan pada kali ini.

## **2.0 USIA KEMATANGAN KPPR**

Tahun ini KPPR sudah menjangkau usia 52 tahun sejak mula didaftarkan pada 1957. Jika dalam konteks istilah usia ianya sudah melebihi aras ‘warga emas’ di mana sekaligus

5

mencerminkan kematangannya. Dengan penyertaan seramai kira-kira 3,000 orang ahli, KPPR dilihat sebagai sebuah badan NGO pekerja yang agak besar dan berpengaruh. Maka tidak hairanlah Presiden KPPR, Tuan Haji Shamsudin Mohd. Noor sendiri turut memegang jawatan sebagai Naib Presiden Gred Badan Berkanun CUEPACS.

## **3.0 KERJASAMA KPPR**

Secara umumnya, saya amat berpuas hati dengan kerjasama yang telah diberikan oleh pihak KPPR dalam mewujudkan

6

kesepakatan dengan pihak pengurusan tertinggi RISDA. Saya kira jalinan ini begitu penting khususnya dalam usaha mengekang sebarang isu atau konflik yang berbangkit ataupun perkara-perkara yang menjadi isu untuk ditangani bersama.

#### **4.0 KEMASUKAN WARGA BARU**

Sedar atau tidak, mutakhir ini RISDA telah menerima kemasukan pegawai dan kakitangan baru yang terdiri daripada pelbagai latar. Kemasukan mereka sebagai pelapis yang bakal menerajui RISDA pada satu ketika nanti adalah manifestasi daripada hasrat

Kerajaan untuk memperkasa sektor Perkhidmatan Awam yang merupakan nadi utama dalam menggerakkan kemajuan negara. Kepada pihak KPPR, tentulah tenaga muda ini dapat dimanfaatkan bagi menggerak dan menjayakan apa saja program dan aktiviti yang menyangkutinya.

Kita wajar berbangga dengan pencapaian-pencapaian yang telah diperolehi oleh warga kerja kita sejauh ini, dalam apa juga aspek perkhidmatan termasuk sukan dan kebudayaan. Mungkin kita tidak sedar bahawa terdapat daripada kalangan kita hari ini yang berstatus nasional atau negeri terutama dalam bidang sukan

yang sedikit sebanyak membantu meningkatkan lagi nama RISDA di mata umum.

Sesungguhnya kita amat berbangga dengan segala pencapaian tersebut, yang sedikit sebanyak mampu membangkitkan semangat dan iltizam kepada warga kerja kita yang lain ke arah mencapai kedudukan tertinggi sepertimana warga kerja yang dimaksudkan.

## **5.0 PERLANTIKAN AJK BARU**

Kepada Ahli Jawatankuasa baru sesi 2009/2011 yang bakal dilantik, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas. Harapan saya agar anda semua dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin dan berkesan bagi membantu memantapkan lagi KPPR sebagai wadah perjuangan kakitangan RISDA.

Kepada barisan AJK sesi yang lalu, saya juga mengucapkan terima kasih dan syabas kerana telah membuktikan komitmen

yang tinggi sehingga tercetus pelbagai insentif baru oleh pihak Kerajaan untuk manfaat kakitangan awam umumnya. Sesungguhnya budi dan jasa anda amat dihargai.

## **6.0 PENUTUP**

Saya tidak berhasrat untuk berucap panjang lebar kerana saya faham masih ada satu lagi agenda penting yang perlu dibereskan oleh tuan-tuan dan puan-puan iaitu Mesyuarat Agung dan Pemilihan AJK baru KPPR sesi 2009/2011.

11

Maka itu, saya bagi pihak Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah RISDA dan dengan lafaz suci "Bismillahirrahmanirrahim", merasmikan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Kali Ke 15 (2009/2011) Kesatuan Pekerja-Pekerja RISDA (KKPR) Semenanjung Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warrahamatullahi Wabarakatuh.

12